



12 NOV, 2020

Tiada ketetapan penumpang di belakang atau di sebelah

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Tiada ketetapan penumpang di belakang atau di sebelah

Kuala Lumpur: Tiada ketetapan atau larangan khusus dibuat berkaitan penumpang kenderaan sama ada perlu berada di tempat duduk belakang atau bersebelahan pemandu.

Perkara itu dinyatakan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, merujuk satu video yang tular kononnya pemandu kereta dikenakan saman oleh polis kerana membenarkan penumpang berada di tempat duduk bersebelahan pemandu dalam kenderaan.

Beliau menegaskan, tiada penetapan sebegini dibuat kerana prosedur operasi standard (SOP) hanya menetapkan dua orang dalam satu kenderaan dan mestilah dari rumah yang sama.

Mengulas lanjut, katanya video yang tular itu jelas mahu merosakkan nama baik pasukan polis kerana pemandu yang disaman

bukan kerana isterinya duduk di sebelah, sebaliknya disebabkan menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

"Banyak perkara diviralkan di media sosial tidak betul. Video berkenaan jelas memfitnah pihak polis dan kita minta Bukit Aman ambil tindakan sewajarnya kepada perakam video dan yang menyebarkan kerana ia memburukkan imej polis," katanya ketika sidang media, semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri memaklumkan seramai 536 individu ditahan semalam atas kesalahan ingkar SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) semalam.

Daripada jumlah itu, katanya 527 dikenakan kompaun, lapan lagi direman dan seorang dijamin.

"Antara kesalahan ialah tidak memakai pelitup muka (134), premis gagal menyediakan peralatan

Banyak perkara diviralkan di media sosial tidak betul. Video berkenaan jelas memfitnah pihak polis dan kita minta Bukit Aman ambil tindakan sewajarnya kepada perakam video dan yang menyebarkan kerana ia memburukkan imej polis.

Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)

atau merekod butiran pelanggan (107), gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (153), rentas negeri atau daerah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) tanpa kebenaran (40), lapan kerana aktiviti pusat hiburan dan baki membabitkan lain-lain kesalahan.

"Semalam juga, sebanyak 3,231 pasar raya, 4,511 restoran, 1,119 kilang, 1,852 pasar awam atau pasar tani dan 1,283 tempat riadah turut diperiksa oleh Pasukan Perintah Operasi Pematuhan PDRM," katanya.

Beliau juga memaklumkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang dikuatkuasakan di Penjara Reman dan kuarters Penjara Reman Daerah Timur Laut di Pulau Pinang ditamatkan semalam.

Keputusan itu, katanya dibuat selepas penilaian risiko dijalankan

kan Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati situasi kes COVID-19 di penjara ini menunjukkan trend penurunan dan terawal, di mana kes terakhir positif adalah pada 5 November lalu.

Penamatan PKPD turut diputuskan bagi Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah di Lahad Datu, Sabah yang sebelum ini dilanjutkan hingga 23 November.

"Keputusan itu dibuat selepas KKM mendapati 5,189 sampel saringan kedua negatif. KKM juga mendapati tiada lagi kes baharu positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti ini dalam masa 18 hari terakhir.

"Atas nasihat dan penilaian risiko KKM, sidang khas bersetuju menamatkan PKPD di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah di Lahad Datu, hari ini (semalam)," katanya.



12 NOV, 2020

Tiada ketetapan penumpang di belakang atau di sebelah

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Tiada ketetapan atau larangan khusus dibuat berkaitan penumpang kenderaan sama ada perlu berada di tempat duduk belakang atau bersebelahan pemandu. Perkara itu dinyatakan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, merujuk satu video yang tular kononnya pemandu kereta dikenakan saman oleh polis kerana membenarkan penumpang berada di tempat duduk bersebelahan pemandu dalam kenderaan.